



1. JAWATAN	: PEGAWAI PELAJARAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: BAHAGIAN PERKEMBANGAN PENGURUSAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / Pengurusan Pentadbiran atau bidang bersesuaian.
2. Sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.13 / B.2 EB.3 atau G.11 / B.2 tidak kurang dari 5 tahun.
3. Mempunyai pengalaman merancang, mengendalikan dan memantau dalam bidang pengurusan pentadbiran adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN KANAN DI BAHAGIAN PERKEMBANGAN DAN PENGURUSAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN:

1. Mengendalikan pentadbiran dan seterusnya bertanggungjawab dalam pengurusan penyediaan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan Jabatan Pentadbiran.
2. Bertanggungjawab kepada Pengarah dan Penolong Pengarah mengenai semua urusan pentadbiran termasuklah hal ehwal yang berhubung dengan pegawai-pegawai dan kakitangan.
3. Menyelaras dan mengawasi tugas-tugas pegawai-pegawai dan kakitangan di Unit-Unit Bahagian Pentadbiran.



4. Menyelaras dan menyediakan rancangan kerja tahunan dan seterusnya menyediakan peruntukan tahunan bagi Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.
5. Bertanggungjawab ke atas perancangan, penyediaan dan penilaian statistik kerja-kerja yang berkaitan.
6. Membantu menyediakan rancangan-rancangan bagi mengadakan taklimat-taklimat, kursus-kursus atau bengkel-bengkel kepada pegawai dan kakitangan seterusnya mengendalikannya.
7. Membuat laporan setengah tahun dan tahunan bagi Unit / Bahagian yang dikendalikan.
8. Membuat penyemakan dan penelitian serta membuat pembaikan atau pengubahsuaian dalam tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.
9. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dan Penolong Pengarah dari semasa ke semasa.